

Malaysia akan tubuh konsortium bina kilang di Vietnam

SUBANG 24 April —Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia akan menubuhkan konsortium yang terdiri daripada syarikat-syarikat swasta untuk membina kilang di kawasan perdagangan bebas Vietnam.

Katanya, apa yang membe-rangsangkan sepanjang lawatannya ke Vietnam ialah persetujuan republik itu untuk membentuk kawasan perdagangan bebas untuk syarikat-syarikat Malaysia.

Bercakap pada sidang akh-bar sekembalinya beliau ke tanar air selepas lawatan rasmi enam hari ke Vietnam, Dr. Mahathir menambah, Vietnam telahpun memben-tuk beberapa kawasan seum-pama itu dan Malaysia telah mendapat salah satu tempat yang strategik.

"Peluang ini perlu direbuti oleh syarikat-syarikat Malay-sia," tegasnya.

Menurut Dr. Mahathir, lawatan enam harinya ke Vietnam adalah yang paling berjaya dalam kebanyakan lawatan kerja ke luar negara.

Ini kerana banyak isu dan perkara telah dapat diselesaikan termasuklah perjanjian di antara kerajaan dengan kerajaan dan juga pihak swasta, ujarnya.

Jelas beliau, antara isu me-narik yang berjaya dalam rundingan antara kedua-dua buah negara termasuklah mengeratkan kembali hubungan politik, menyelesaikan pertindihan kawasan perairan dan persetujuan rundingan secara damai mengenai semua masalah sempadan laut.

Mengenai usahasama per-dagangan pula, beliau berka-ta, lebih 20 perjanjian perda-gangan telah dibuat di antara kedua-dua buah negara.

"Pertama kita telah mengenal pasti barang-barang yang boleh kita beli dan kedua kita akan menga-dakan kerjasama dua hala dalam bidang perdagangan.

Dr. Mahathir juga berkata, lawatannya itu membole-hkan beliau melihat keadaan di Vietnam yang sama sekali berbeza dari jangkaan awalnya.

Kata beliau, semua aktiviti perdagangan baik dalam per-niagaan runcit dan besar ter-utama dari sektor swasta me-ningkat beberapa kali ganda.

"Keadaan tidaklah seperti dahulu lagi di mana pada masa itu tidak ada syarikat-

syarikat persendirian tetapi sekarang mereka dalam pro-ses inovasi dan pihak swasta benar-benar bergerak pantas dalam perniagaan," kata Dr. Mahathir.

Dalam satu perkembangan lain pula, Dr. Mahathir berka-ta, beliau gembira kerana para peniaga Malaysia kini berani meneroka jauh sehing-ga ke Angola.

Ditanya apakah bentuk perniagaan yang dijalankan oleh rakyat Malaysia di nega-ra itu, Perdana Menteri ber-kata, di Angola para peniaga Malaysia telah memulakan satu projek yang kena mengena dengan perumahan.

Di Zimbabwe dan Tanzania pula, kata beliau, Sime Darby telahpun membuka kilang.